



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

2021

SIRI 1

AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERajaan Negeri

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



A circular inset image in the top right corner shows a modern, multi-story government building with a glass facade and a grey exterior. The building is set against a blue sky with white clouds. In the foreground, there are some traditional-style buildings with red roofs and palm trees. A red ribbon banner curves around the bottom of the circle, containing the text "TERENGGANU".

TERENGGANU



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

TERENGGANU
2021

SIRI 1
JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



ISSN 2805-5446



9 7 7 2 8 0 5 5 4 4 0 0 3

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara Malaysia
Blok F2 dan F3, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya
MALAYSIA

Laman web: <https://www.audit.gov.my>
Emel: jbaudit@audit.gov.my
Tel.: 603-8091 1000
Faks: 603-8091 1454

Dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 3 Ogos 2022

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan dan disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Urus Setia Jabatan Audit Negara Malaysia.



Dicetak Oleh
Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Kuala Lumpur, 2022

Laman web: www.printnasional.com.my
Emel: cservice@printnasional.com.my
Tel: 603-9236 6895
Faks: 603-9222 4773

KANDUNGAN



KANDUNGAN

Muka Surat

AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

PENDAHULUAN	3
RINGKASAN KESELURUHAN LKAN SECARA INFOGRAFIK	7
PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN	9
PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU	13
1. Pertima Trengganu Sdn. Bhd.	
HASIL PENGAUDITAN YANG DILAPORKAN SECARA RINGKAS	
UNIT PERANCANGAN EKONOMI NEGERI PEJABAT DAERAH KUALA NERUS PEJABAT DAERAH DUNGUN PEJABAT DAERAH KEMAMAN	51
2. Program Perumahan Terengganu-Ku Sejahtera	
PENUTUP	61
AKRONIM	65

PENDAHULUAN



PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan negeri. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memperkenan supaya laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu akan memperkenannya untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara (JAN) telah menjalankan empat jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan – untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan Kerajaan negeri/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di jabatan/agensi negeri telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan – untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan negeri telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2021 Siri 1 ini hanya meliputi pengauditan prestasi dan pengurusan syarikat Kerajaan yang mengandungi perkara yang telah dibangkitkan hasil daripada pengauditan terhadap satu aktiviti di empat jabatan dan satu pengurusan syarikat Kerajaan Negeri Terengganu. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan Kerajaan merupakan pengauditan prestasi yang dijalankan selaras dengan Perenggan 6(d), Akta Audit 1957. Pengauditan terhadap syarikat Kerajaan pula dijalankan selaras dengan Perenggan 5(1)(d) Akta Audit 1957 dan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 [P.U.(A) 294] yang telah diwartakan pada 30 September 2017. Pelaksanaan pengauditan berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh The International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI).

3. Sebagaimana tahun sebelumnya, JAN terus komited memperkenalkan format baharu dalam pelaporan hasil pengauditan. Bagi LKAN Tahun 2021 Siri 1 ini, JAN telah menyediakan infografik bagi setiap tajuk pengauditan yang bertujuan merumus penemuan Audit secara ringkas, padat dan informatif. Dengan adanya infografik ini,

adalah diharapkan agar pembaca dapat memahami hasil pengauditan yang dilaporkan dengan cepat dan efektif tanpa perlu meneliti keseluruhan isi kandungan laporan. Kaedah ini merupakan amalan yang semakin popular di Supreme Audit Institutions bagi negara-negara seperti Britain, Amerika Syarikat dan Kanada.

4. Selain itu, JAN juga telah memperkenalkan semula perenggan LKAN mengenai Hasil Pengauditan yang Dilaporkan Secara Ringkas, yang mana kali terakhir perenggan ini dilaporkan adalah dalam LKAN 2012 Siri 3. Perenggan ini merupakan satu medium bagi melaporkan tajuk pengauditan dengan isu-isu positif atau isu kurang/tidak material, atau isu kurang signifikan/kurang impak.

5. Seperti tahun yang lalu, ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam laporan ini untuk tujuan pengesahan. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada ketua jabatan terlibat dan mereka juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa Mesyuarat Penutup diadakan. Penemuan Audit yang penting sahaja telah dilaporkan dalam laporan ini untuk memaklumkan kepada pemegang taruh mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak enam syor untuk diambil tindakan oleh jabatan dan syarikat Kerajaan negeri berkenaan. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti jabatan dan syarikat Kerajaan negeri.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai jabatan dan syarikat Kerajaan negeri berkenaan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pegawai JAN yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(DATUK SERI NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

14 Julai 2022

AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI



2

**TAJUK KAJIAN
MELIBATKAN:**

1

Anak
Syarikat

&

1

Aktiviti
Jabatan



6

Syor Audit



PERTIMA TRENGGANU SDN. BHD. Syarikat Berhad Menurut Syer

RUMUSAN AUDIT:

"Visi PERTIMA untuk menjadi peneraju utama dalam sektor pembuatan produk makanan halal dalam tin di Malaysia dan membina pasaran di peringkat global masih belum dapat dicapai sepenuhnya"

Visi Syarikat:

Aktiviti



KURANG CEKAP

Kelemahan dalam pengurusan aktiviti

Tadbir Urus Korporat



MEMUASKAN

5/8 aspek tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya

Kewangan



STABIL

RM1.34 juta

Keuntungan sebelum cukai tahun 2020

RM15.50 juta

Kerugian terkumpul tahun 2020

PENEMUAN UTAMA AUDIT – PENGURUSAN PROGRAM

- ❖ **Perbezaan** baki stok bahan mentah
- ❖ **Lebihan** stok tin tidak digunakan
- ❖ Pengeluaran produk **tidak mencapai** keupayaan pengeluaran minimum mesin
- ❖ *Waste Water Treatment Plant* **tidak dibina**
- ❖ Aset yang **rosak terbiar** dan **tidak digunakan**



PROGRAM PERUMAHAN TERENGGANU-KU SEJAHTERA (PPTS)

RUMUSAN AUDIT:



"Pelaksanaan PPTS adalah selaras dengan objektif program melalui pembinaan 142 rumah bina baharu dan 6,098 baik pulih rumah kepada golongan sasar"

Peruntukan
RM31 juta

Perbelanjaan
RM28.39 juta

Pencapaian Output



BAIK

- **62** projek bina baharu siap dalam tahun semasa
- **536** daripada 541 kerja baik pulih siap dalam tahun semasa (**99%**)
- **5** kerja baik pulih siap melebihi tahun semasa

Pencapaian Keberhasilan



PENERIMA MANFAAT:

- 6,240 penduduk telah menerima manfaat PPTS (2018 - 2020)
- Penerima berpuas hati bantuan yang diterima

PENGUKURAN KEBERHASILAN:

- Tidak dapat diukur kerana tiada mekanisme penilaian diwujudkan.



- Pembinaan 4 rumah bina baharu tidak mengikut pelan ditetapkan:
 - Awning pintu dapur di 3 rumah tidak dibina
 - Longkang di 1 rumah tidak dibina

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2021 SIRI 1
MENGENAI AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI TERENGGANU**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2021 Siri 1 mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu. LKAN ini melaporkan dua tajuk pgauditan, iaitu satu tajuk di bawah pgaudit pengurusan syarikat Kerajaan negeri dan satu tajuk berkaitan prestasi mengenai aktiviti jabatan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu

- Pertima Trengganu Sdn. Bhd. (PERTIMA) [Syarikat Berhad Menurut Syer]

- a. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah:
 - i. visi syarikat untuk menjadi peneraju utama dalam sektor pembuatan produk makanan halal dalam tin di Malaysia dan membina pasaran di peringkat global belum tercapai;
 - ii. pengurusan aktiviti kurang cekap kerana terdapat kelemahan dalam prestasi dan pelaksanaan;
 - iii. tadbir urus korporat memuaskan namun lima daripada lapan aspek tadbir urus tidak diamalkan sepenuhnya; dan
 - iv. kedudukan kewangan stabil kerana syarikat merekodkan keuntungan sebelum cukai dan penurunan kerugian terkumpul pada tahun 2020.
- b. Penemuan Audit bagi pengurusan aktiviti syarikat adalah seperti berikut:
 - i. perbezaan baki stok bahan mentah;
 - ii. lebihan stok tin kosong daging korban Islamic Relief Worldwide (137,904 unit), kari ayam 1Malaysia (19,760 unit) dan tin kosong tidak berlabel (17,550 unit);
 - iii. pengeluaran produk tidak mencapai keupayaan pengeluaran minimum mesin;
 - iv. pembinaan *Waste Water Treatment Plant* tidak dibuat; dan
 - v. aset yang rosak terbiar dan tidak digunakan.

1.2. Pengauditan Aktiviti Jabatan Negeri

Program Perumahan Terengganu-Ku Sejahtera (PPTS)

- **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**
- **Pejabat Daerah Kuala Nerus (PDKN)**
- **Pejabat Daerah Dungun (PDD)**
- **Pejabat Daerah Kemaman (PDK)**

[Peruntukan: RM31 juta]

- a. Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan PPTS

i. Pencapaian Output

Pencapaian output adalah baik kerana sebanyak 62 projek bina baharu disiapkan dalam tahun semasa. Selain itu, sebanyak 536 atau 99% daripada 541 kerja baik pulih rumah telah disiapkan dalam tahun semasa kecuali lima kerja di PDD pada tahun 2019 disiapkan melebihi tahun semasa. Tempoh kelewatan adalah antara 148 hingga 243 hari.

ii. Pencapaian Keberhasilan

Pencapaian keberhasilan tidak dapat diukur kerana UPEN dan pejabat daerah tidak mewujudkan sebarang mekanisme penilaian bagi menentukan tahap keberhasilan PPTS. Bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020, seramai 6,240 penduduk Negeri Terengganu yang layak telah menerima manfaat PPTS melibatkan 142 bina baharu dan 6,098 baik pulih rumah di lapan daerah. Berdasarkan maklum balas, kualiti rumah yang dibina dan dibaik pulih adalah baik, selesa dan selamat diduduki oleh penerima bantuan.

iii. Pengurusan PPTS

Pembinaan empat rumah bina baharu tidak mengikut pelan ditetapkan kerana *awning* pintu dapur di tiga rumah dan longkang di satu rumah tidak dibina.

2. Keseluruhan syor audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara ialah enam syor, iaitu dua kepada Program Perumahan Terengganu-Ku Sejahtera dan empat kepada PERTIMA.

PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU

1. PERTIMA TRENGGANU SDN. BHD.





Pencapaian
Visi
**Belum
Capai**



Tadbir Urus
Korporat
Memuaskan



Kedudukan
Kewangan
Stabil

RUMUSAN AUDIT

" Visi PERTIMA untuk menjadi peneraju utama dalam sektor pembuatan produk makanan halal dalam tin di Malaysia dan membina pasaran di peringkat global masih belum dapat dicapai sepenuhnya."

PENEMUAN AUDIT

Prestasi Aktiviti

PENCAPAIAN OUTPUT



C E K A P
Mencapai sasaran
yang ditetapkan

Pengurusan Aktiviti



Perbezaan baki stok
bahan mentah



Lebihan stok tin



Pengeluaran produk tidak
capai keupayaan
pengeluaran minimum mesin



*Waste Water Treatment
Plant* tidak dibina



Aset yang rosak
terbiar/tidak digunakan

4
SYOR
AUDIT

Tadbir Urus Korporat

5 daripada 8 aspek amalan
terbaik tidak dipatuhi sepenuhnya:

Kod Tatalaku & Etika Syarikat
tidak disediakan



Setiausaha Syarikat **tidak
menasihati** Lembaga
Pengarah



PPS & KPI **tidak
dibentang/diluluskan** oleh
Lembaga Pengarah



2 ahli JKA **Pengarah Bukan
Bebas**



Unit Audit Dalam
tidak ditubuhkan



Kedudukan Kewangan



R M 1.34 juta
Keuntungan Sebelum
Cukai



R M 15.50 juta
Kerugian Terkumpul
menurun RM1.01 juta

**PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD
NEGERI TERENGGANU
PERTIMA TRENGGANU SDN. BHD.**

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pertima Trengganu Sdn. Bhd. (PERTIMA) merupakan sebuah syarikat subsidiari milik penuh kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT). PERTIMA telah diperbadankan pada 28 Mac 1972 di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah syarikat berhad menurut syer. PERTIMA mempunyai modal berbayar sejumlah RM7.40 juta.
- Pengauditan melibatkan pengurusan PERTIMA bagi tempoh tahun 2018 hingga April 2022 meliputi tiga aspek utama audit iaitu pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan kedudukan kewangan.
- Pengauditan aktiviti dinilai terhadap dua bidang utama iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti syarikat. Prestasi aktiviti dinilai berdasarkan pencapaian output dan keberhasilan bagi aktiviti pengeluaran dan jualan produk makanan dalam tin. Pengurusan aktiviti syarikat pula dinilai melalui lima perkara iaitu pengurusan bahan mentah, pengeluaran produk, pemasaran, pembangunan produk dan aset.
- Bagi tadbir urus korporat, penilaian dilaksanakan terhadap lapan aspek iaitu Pengurus; Lembaga Pengarah; Setiausaha Syarikat; Pengurus Besar; Prosedur Operasi Standard (SOP); Rancangan Korporat/Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI); Jawatankuasa Audit (JKA); dan Audit Dalam.
- Analisis kedudukan kewangan dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2018, 2019 dan 2020 merangkumi analisis pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; aset dan liabiliti; nisbah kewangan; serta aliran tunai.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Visi PERTIMA adalah untuk menjadi peneraju utama dalam sektor pembuatan produk makanan halal dalam tin di Malaysia dan membina pasaran di peringkat global. Misi PERTIMA pula adalah menyediakan pelbagai produk makanan dalam tin yang bermutu tinggi dan bertaraf antarabangsa, mempelbagaikan segmen pasaran serta menyediakan pasukan kerja yang mantap dalam bidang pengeluaran, penyelidikan dan pembangunan (R&D), kawalan kualiti dan pemasaran.
- Sehubungan itu, pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian visi PERTIMA dengan menentukan sama ada pengurusan aktiviti utama iaitu pengeluaran dan jualan produk makanan dalam tin telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan amalan tadbir urus yang baik dan mencapai prestasi kedudukan kewangan yang kukuh.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati visi PERTIMA untuk menjadi peneraju utama dalam sektor pembuatan produk makanan halal dalam tin di Malaysia dan membina pasaran di peringkat global masih belum dapat dicapai sepenuhnya. Butiran penemuan Audit adalah seperti berikut:
 - Prestasi Aktiviti PERTIMA:
 - pengeluaran produk sardin 425 gram melebihi sasaran yang ditetapkan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021;
 - pengeluaran produk lain mencapai 91.5% berbanding sasaran bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021;
 - pencapaian jualan melebihi sasaran yang ditetapkan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021; dan
 - PERTIMA tidak menetapkan mekanisme penilaian pencapaian keberhasilan aktiviti.
 - Pengurusan Aktiviti PERTIMA:
 - perbezaan baki fizikal stok bahan mentah berbanding rekod di kad stok;

- lebihan stok tin kosong daging korban Islamic Relief Worldwide (137,904 unit), kari ayam 1Malaysia (19,760 unit) dan tin kosong tidak berlabel (17,550 unit);
 - pengeluaran produk tidak mencapai keupayaan pengeluaran minimum mesin;
 - *Waste Water Treatment Plant* (WWTP) tidak dibina; dan
 - tiga aset rosak terbiar dan satu aset tidak digunakan.
- Amalan tadbir urus korporat adalah memuaskan tetapi penambahbaikan perlu dibuat terhadap penyediaan Kod Tatalaku dan Etika Syarikat, peranan Setiausaha Syarikat, kelulusan Pelan Perancangan Strategik (PPS) dan KPI serta pelantikan ahli JKA yang bebas.
 - Kedudukan kewangan adalah stabil kerana syarikat merekodkan keuntungan sebelum cukai sejumlah RM1.34 juta dan penurunan kerugian terkumpul sejumlah RM1.01 juta pada tahun 2020.

Apa yang disyorkan Audit?

- Bagi menambah baik pengurusan aktiviti dan memantapkan keupayaan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan PERTIMA memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:
 - menjalankan aktiviti pemasaran dengan lebih agresif serta memperluaskan segmen pasaran untuk meningkatkan permintaan serta jualan produk;
 - mendapatkan peruntukan yang mencukupi untuk membina WWTP sebagaimana digariskan dalam Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling bagi memastikan operasi kilang tidak terjejas;
 - mengambil tindakan yang lebih proaktif bagi memastikan tunggakan penghutang dapat dikutip serta memastikan bayaran balik pinjaman kepada PMINT mengikut jadual; dan

- memastikan tadbir urus korporat dipertingkatkan antaranya berkaitan peranan Setiausaha Syarikat dalam menasihati Lembaga Pengarah, kelulusan PPS dan KPI oleh Lembaga Pengarah serta pelantikan ahli JKA.

PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU

1. PERTIMA TRENGGANU SDN. BHD.

FAKTA UTAMA

28.03.1972

Diperbadankan di bawah
Akta Syarikat 1965

RM22.36 juta

Pendapatan utama dan lain-lain pendapatan yang diterima bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020

RM1.34 juta

Keuntungan sebelum cukai pada tahun 2020

RM15.50 juta

Kerugian terkumpul pada tahun 2020

Visi

Menjadi peneraju utama dalam sektor pembuatan produk makanan halal dalam tin di Malaysia dan membina pasaran di peringkat global

Aktiviti utama

Memproses, mengetin dan memasarkan barang dalam tin seperti sardin, kari ayam, sambal bilis dan lain-lain

Jenis syarikat

Syarikat berhad menurut syer

1. LATAR BELAKANG


1.1. Pertima Trengganu Sdn. Bhd. (PERTIMA) merupakan sebuah syarikat subsidiari milik penuh kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT). PERTIMA telah diperbadankan pada 28 Mac 1972 di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah syarikat berhad menurut syer. PERTIMA mempunyai modal berbayar berjumlah RM7.40 juta.

1.2. Visi PERTIMA adalah untuk menjadi peneraju utama dalam sektor pembuatan produk makanan halal dalam tin di Malaysia dan membina pasaran di peringkat global. Misi PERTIMA pula adalah untuk menyediakan pelbagai produk makanan dalam tin yang bermutu tinggi dan bertaraf antarabangsa, mempelbagaikan segmen pasaran serta menyediakan pasukan kerja yang mantap dalam bidang pengeluaran, penyelidikan dan pembangunan (R&D), kawalan kualiti serta pemasaran.

1.3. PERTIMA beroperasi di premis milik PMINT yang terletak di Kawasan Perindustrian Chendering, Kuala Terengganu. Aktiviti utama PERTIMA adalah memproses, mengetin dan memasarkan barang dalam tin seperti sardin, kari ayam, sambal bilis dan lain-lain.

1.4. PERTIMA mempunyai empat Ahli Lembaga Pengarah (ALP) terdiri daripada dua Pengarah Bebas dan dua Pengarah Bukan Bebas. Pengurusan PERTIMA diketuai oleh seorang Pengurus Besar dan dibantu oleh empat Ketua Jabatan iaitu Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Pemasaran dan Jualan, Jabatan Pengeluaran dan Teknikal serta Jabatan Teknologi Makanan dan Halal. Setakat 17 April 2022, PERTIMA mempunyai seramai 57 orang kakitangan yang terdiri daripada tujuh orang eksekutif dan 50 orang bukan eksekutif. Struktur organisasi PERTIMA pada 17 April 2022 adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
STRUKTUR ORGANISASI PERTIMA



Sumber: Jabatan Pentadbiran dan Kewangan

1.5. Sumber pendapatan PERTIMA adalah daripada hasil jualan produk makanan dalam tin terutamanya sardin. Selain sardin, PERTIMA juga mengeluarkan enam produk makanan dalam tin yang lain iaitu kari ayam, sambal bilis, seri kaya, kuah laksa Terengganu, kuah sate dan sapuan sardin. Pendapatan PERTIMA bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020 adalah berjumlah RM22.36 juta manakala perbelanjaan pula adalah berjumlah RM21.76 juta terdiri daripada kos jualan, pentadbiran, kewangan dan lain-lain.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian visi PERTIMA melalui pengurusan aktiviti utama iaitu pengeluaran dan jualan produk makanan dalam tin yang cekap dan berkesan; tadbir urus korporat yang baik; serta kedudukan kewangan yang kukuh.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini melibatkan aktiviti utama PERTIMA iaitu pengeluaran dan jualan produk makanan dalam tin bagi tahun 2019 hingga April 2022. Aktiviti ini merupakan aktiviti utama yang menyumbang kepada pencapaian visi dan misi PERTIMA. Penilaian prestasi aktiviti dibuat berdasarkan pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Bagi pengurusan aktiviti pula, lima perkara yang dinilai ialah pengurusan bahan mentah, pengeluaran produk, pemasaran, pembangunan produk dan aset.

3.2. Pengauditan terhadap tadbir urus korporat melibatkan lapan aspek bagi tahun 2019 hingga April 2022. Selain itu, pengauditan terhadap pengurusan kewangan syarikat juga dijalankan. Aspek tadbir urus korporat yang dinilai ialah Pengerusi; Lembaga Pengarah; Pengurus Besar; Setiausaha Syarikat; Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI); Prosedur Operasi Standard (SOP); Jawatankuasa Audit (JKA); dan Audit Dalam. Aspek pengurusan kewangan pula meliputi pengurusan perbelanjaan bagi bayaran elaun Lembaga Pengarah dan tuntutan perbelanjaan Pengurus Besar.

3.3 Analisis kedudukan kewangan adalah berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2018, 2019 dan 2020 yang telah diaudit oleh Tetuan Jalil & Co.. Pengauditan telah dijalankan di pejabat dan kilang yang terletak di Kawasan Perindustrian Chendering, Kuala Terengganu.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN


Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan PERTIMA serta menganalisis data berkaitan pengeluaran, jualan dan stok produk. Selain itu, semakan dokumen berkaitan tadbir urus korporat juga dibuat bagi menilai prestasi aktiviti yang dilaksanakan. Perbincangan, temu bual dan lawatan fizikal ke kilang bersama dengan pegawai PERTIMA turut dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan beraudit PERTIMA melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan; serta analisis aliran tunai.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Penemuan Audit dan maklum balas PERTIMA telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 14 Jun 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

5.1. Prestasi Aktiviti

Aktiviti utama PERTIMA adalah berteraskan keuntungan melalui pengeluaran dan penjualan produk makanan dalam tin terutamanya sardin. PERTIMA memperoleh saham atau modal daripada PMINT selaku syarikat induk bagi membayai pelaksanaan aktiviti utama dan seterusnya memberi pulangan hasil. Pulangan hasil ini merupakan pendapatan utama kepada PERTIMA dalam bentuk jualan yang diterima daripada pelanggan. Model perniagaan PERTIMA adalah seperti dalam **Carta 2**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

5.1.1. Pencapaian Output

PERTIMA mengeluarkan tujuh produk makanan dalam tin iaitu sardin, kari ayam, sambal bilis, seri kaya, kuah laksa Terengganu, kuah sate dan sapuan sardin. Bagi produk sardin, pengeluaran produk disediakan dalam tiga saiz iaitu 425 gram, 405 gram dan 155 gram manakala enam produk yang lain pula disediakan dalam satu saiz sahaja seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PRODUK KELUARAN PERTIMA

BIL.	PRODUK	
	JENIS	SAIZ (Gram)
1.	Sardin	425
		405
		155
2.	Kari Ayam	285
3.	Sambal Bilis	160
4.	Seri Kaya	500
5.	Kuah Laksa Terengganu	400
6.	Kuah Sate	425
7.	Sapuan Sardin	180

Sumber: PERTIMA

5.1.1.1. Pengeluaran Produk

- a. Berdasarkan Pelan Perancangan Strategik (PPS) tahun 2017 hingga 2021, PERTIMA hendaklah mencapai sasaran pengeluaran dan jualan produk yang ditetapkan. Sasaran tersebut disediakan berdasarkan pesanan belian yang telah dicapai pada tahun 2016 dengan mengekalkan kuantiti pasaran sedia ada dan ditambah dengan pasaran baharu. Semakan Audit mendapati hanya sasaran pengeluaran produk sardin 425 gram ditetapkan dalam PPS, manakala sasaran pengeluaran produk lain hanya ditetapkan dalam bajet tahunan pada setiap tahun.
- b. Berdasarkan PPS, bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, sebanyak 46,500 kotak (24 tin/kotak) atau 1.12 juta tin produk sardin 425 gram disasarkan setiap tahun mengikut segmen pasaran. Bagaimanapun, PERTIMA membuat penilaian semula (kemas kini) sasaran pengeluaran setiap tahun mengikut bajet tahunan dan kontrak tempahan yang diterima daripada pelanggan bagi tahun berikutnya. Semakan Audit mendapati pengeluaran produk sardin 425 gram melebihi sasaran yang dikemas kini bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 antara 108.5% hingga 269.5% seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PENCAPAIAN PENGETAHUAN PRODUK SARDIN 425 GRAM
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	SASARAN KUANTITI PENGETAHUAN		PENGELUARAN SEBENAR (Tin) (c)	PENCAPAIAN (%) (c/b x 100)
	PPS (Tin) (a)	KEMAS KINI (Tin) (b)		
2019	1,116,000	729,480	1,220,142	167.3
2020	1,116,000	561,944	1,514,604	269.5
2021	1,116,000	1,687,131	1,830,684	108.5

Sumber: Pelan Perancangan Strategik, Bajet Tahunan dan Laporan Pengeluaran Produk Siap

- c. Analisis Audit mendapati sasaran kuantiti pengeluaran dikemas kini bagi produk sardin 425 gram menunjukkan trend turun naik. Sasaran kuantiti pengeluaran menurun kepada 0.56 juta pada tahun 2020 dan kembali meningkat kepada 1.69 juta pada tahun 2021. Bagaimanapun, pengeluaran sebenar produk adalah meningkat setiap tahun malah melebihi sasaran kemas kini dan sasaran asal yang ditetapkan dalam PPS. Keadaan ini disebabkan tempahan yang diterima daripada Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) bagi kontrak *Original Equipment Manufacturer* (OEM) dan pasaran baharu telah mempengaruhi sasaran (kemas kini) dan pengeluaran sebenar produk sardin 425 gram.
- d. Bagi pengeluaran produk lain untuk tempoh tahun 2019 hingga 2021, PERTIMA telah berjaya mencapai pengeluaran sebanyak 2.59 juta tin (91.5%) berbanding sasaran sebanyak 2.83 juta tin. Prestasi pencapaian pengeluaran produk lain adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PENCAPAIAN PENGETAHUAN PRODUK LAIN
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

PRODUK	KUANTITI PENGETAHUAN		PERATUS PENCAPAIAN (%)
	SASARAN (Bil.)	SEBENAR (Bil.)	
TAHUN 2019			
Sardin 405 gram	39,455	52,461	133.0
Sardin 155 gram	409,395	827,912	202.2
Kari Ayam 285 gram	23,837	36,805	154.4
Sambal Bilis 160 gram	21,797	10,582	48.5
Seri Kaya 500 gram	11,040	960	8.7
Seri Kaya 200 gram	60	-	0.0
Kuah Laksa Terengganu 400 gram	608	7,269	1,195.6
Kuah Sate 425 gram	8,513	9,296	109.2
Sapuan Sardin 180 gram	7,624	17,913	235.0
JUMLAH	522,329	963,198	184.4
TAHUN 2020			
Sardin 405 gram	93,024	144,475	155.3
Sardin 155 gram	1,254,650	647,927	51.6
Kari Ayam 285 gram	13,968	72,710	520.5
Sambal Bilis 160 gram	24,000	37,824	157.6
Seri Kaya 500 gram	1,000	4,170	417.0
Kuah Laksa Terengganu 400 gram	6,768	7,552	111.6
Kuah Sate 425 gram	5,184	12,407	239.3
Sapuan Sardin 180 gram	19,008	8,783	46.2
JUMLAH	1,417,602	935,848	66.0
TAHUN 2021			
Sardin 405 gram	63,127	26,043	41.3
Sardin 155 gram	726,276	589,442	81.2

PRODUK	KUANTITI PENGETAHUAN		PERATUS PENCAPAIAN (%)
	SASARAN (Bil.)	SEBENAR (Bil.)	
Kari Ayam 285 gram	26,766	21,425	80.0
Sambal Bilis 160 gram	30,176	19,937	66.1
Seri Kaya 500 gram	1,600	2,164	135.3
Kuah Laksa Terengganu 400 gram	8,790	7,902	89.9
Kuah Sate 425 gram	6,732	21,400	317.9
Sapuan Sardin 180 gram	24,834	-	0.0
JUMLAH	888,301	688,313	77.5
JUMLAH KESELURUHAN	2,828,232	2,587,359	91.5

Sumber: Pelan Perancangan Strategik, Bajet Tahunan dan Laporan Pengeluaran Produk Siap

- e. Analisis Audit mendapati pengeluaran produk lain pada tahun 2019 melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 0.96 juta tin (184.4%). Bagaimanapun pada tahun 2020 dan 2021, PERTIMA mencapai pengeluaran masing-masing sebanyak 0.94 juta tin (66%) dan 0.69 juta tin (77.5%) sahaja berbanding sasaran yang ditetapkan. Pengeluaran produk lain tidak mencapai sasaran pada tahun 2020 dan 2021 disebabkan PERTIMA mengutamakan produk teras iaitu sardin 425 gram. Selain itu, pengeluaran adalah terhad disebabkan perubahan waktu kerja yang disingkatkan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

5.1.1.2. Jualan Produk

- a. Berdasarkan PPS, PERTIMA hendaklah mencapai sasaran jualan berjumlah RM6.60 juta (2019), RM6.93 juta (2020) dan RM7.28 juta (2021) bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Sasaran ini disediakan dengan mengambil kira barang dikembalikan atau rosak yang akan mempengaruhi nilai jualan.
- b. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, prestasi jualan melebihi sasaran yang dikemas kini antara 117.3% hingga 148.8% seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENCAPAIAN JUALAN PERTIMA BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	SASARAN JUALAN		JUALAN SEBENAR (RM Juta) (c)	PENCAPAIAN (%) (c/b x 100)
	PPS (RM Juta) (a)	KEMAS KINI (RM Juta) (b)		
2019	6.60	4.71	7.01	148.8
2020	6.93	6.67	8.73	130.9
2021	7.28	10.28	12.06	117.3

Sumber: Pelan Perancangan Strategik, Bajet Tahunan dan Analisa Pemasaran

- c. Prestasi pencapaian jualan yang melebihi sasaran setiap tahun telah menyumbang keuntungan kepada syarikat pada tahun 2020 dan 2021. Bagaimanapun pada tahun 2019, PERTIMA mengalami kerugian berjumlah RM0.87 juta walaupun jualan melebihi sasaran. Kerugian ini disebabkan pengeluaran produk siap pada tahun 2019 adalah tinggi menyebabkan peningkatan kos jualan berjumlah RM1.16 juta berbanding tahun 2018.

Maklum Balas PERTIMA yang Diterima Pada 8 Jun 2022 dan 16 Jun 2022

PERTIMA memfokuskan produk teras (Sardin 425 gram) dalam PPS memandangkan pasaran tertinggi produk dimonopoli oleh sardin berbanding produk lain yang hanya menyumbang 10% dalam jualan. Bagaimanapun, PPS untuk lima tahun akan datang telah ditambah baik dengan perancangan semua produk termasuk produk baru yang bakal diwujudkan. Sasaran pengeluaran dan jualan pada tahun 2020 adalah mengambil kira tempahan daripada FAMA bagi kontrak OEM.

Pendapat Audit **Secara keseluruhannya, pencapaian pengeluaran produk dan jualan adalah cekap kerana melebihi sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, pencapaian pengeluaran produk lain (selain sardin 425 gram) tidak mencapai sasaran bagi tahun 2020 dan 2021.**

5.1.1.3. Bagi aspek tadbir urus korporat syarikat, semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan sebanyak 12 kali dalam tempoh tahun 2019 hingga 2021 telah membincangkan perkara berkaitan bajet, perancangan dan pencapaian syarikat termasuk isu yang berkaitan. Mesyuarat turut membincangkan perkara berkaitan pengeluaran, keuntungan dan perbelanjaan syarikat (operasi dan pemasaran). Selain itu, pencapaian aktiviti syarikat berserta data dan statistik pencapaian telah dibentangkan semasa mesyuarat tersebut.

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

Semakan Audit mendapati PERTIMA tidak menetapkan mekanisme penilaian terhadap pencapaian keberhasilan bagi pengeluaran dan jualan produk makanan dalam tin. Sehubungan itu, pihak Audit telah menjalankan analisis bagi membuat penilaian keberhasilan terhadap aktiviti PERTIMA. Aspek yang dinilai merangkumi

empat perkara iaitu pembayaran dividen, kedudukan produk dalam pasaran, anugerah dan pengiktirafan serta kajian kepuasan pelanggan.

5.1.2.1. Pembayaran Dividen

PMINT melalui pengukuhan fungsi dan peranan ke atas anak syarikat telah menggariskan polisi pembayaran dividen bagi meningkatkan keuntungan dan prestasi anak syarikat. Bagi anak syarikat yang mencatatkan keuntungan, dividen perlu dibayar kepada PMINT sebanyak 30% daripada jumlah keuntungan setelah ditolak cukai. Bagaimanapun, polisi ini tidak terpakai bagi anak syarikat yang mencatatkan kerugian. Semakan Audit mendapati **PERTIMA tidak mengisyiharkan dividen bagi tahun yang mencatatkan keuntungan iaitu pada tahun 2018 dan 2020.**

5.1.2.2. Kedudukan Produk Dalam Pasaran

- a. Berdasarkan minit mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun 2019 hingga tarikh pengauditan pada 17 April 2022, kedudukan produk PERTIMA dalam pasaran makanan halal di Malaysia tidak pernah dibincangkan. Sehubungan itu, PERTIMA tidak dapat menilai sejauh mana keberadaan dan pencapaian produk di kalangan pesaing dalam pasaran yang sama.
- b. Pihak Audit telah membandingkan bilangan produk yang dihasilkan oleh PERTIMA dengan beberapa jenama produk makanan halal dalam tin yang lain di pasaran. Hasil perbandingan mendapati produk PERTIMA hanya dikeluarkan dalam bentuk tin sahaja dan mempunyai rangkaian produk yang kecil seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PERBANDINGAN RANGKAIAN PRODUK PERTIMA DENGAN JENAMA LAIN

JENAMA	BILANGAN PRODUK		
	DALAM TIN	SELAIN DALAM TIN	JUMLAH
JENAMA 1	41	14	55
JENAMA 2	22	86	108
JENAMA 3	15	20	35
JENAMA 4	10	20	30
PERTIMA	7	-	7
JENAMA 5	5	-	5

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.1.2.3. Anugerah dan Pengiktirafan

Semakan Audit mendapati PERTIMA telah berjaya mendapatkan anugerah dan pengiktirafan bagi aktiviti utamanya. Bagi tempoh tahun 2019 hingga April 2022, sebanyak enam anugerah dan pengiktirafan telah diterima seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN YANG DITERIMA PERTIMA
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA APRIL 2022

ANUGERAH/ PENGIKTIRAFAN	TEMPOH SAH SEHINGGA	TARIKH ANUGERAH/ PENGIKTIRAFAN	PEMBERI ANUGERAH/ PENGIKTIRAFAN
Sijil HALAL - sardin, kari ayam, sambal bilis dan seri kaya - kuah laksa, kuah sate dan sapuan sardin	15 Mac 2024 15 Mei 2023	16 Mac 2022 16 Mei 2021	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
Sijil HALAL pengilangan kontrak/OEM makanan/minuman/makanan tambahan	30 September 2024	1 Oktober 2021	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
<i>Sijil Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP)</i>	29 Jun 2023	30 Jun 2020	Moody International
ISO 9001:2015	29 Jun 2023	30 Jun 2020	Moody International
Sijil Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MESTI)	*4 Julai 2022	5 Julai 2019	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
<i>The Brandlaurate World Halal Bestbrands Award Consumer Canned Sardines</i>	-	3 September 2019	The World Brands Foundation

Sumber: Jabatan Teknologi Makanan dan Halal

Nota (*) : Dalam proses pembaharuan sijil

5.1.2.4. Kajian Kepuasan Pelanggan

- Misi PERTIMA adalah untuk menyediakan pelbagai produk makanan dalam tin yang bermutu tinggi, mempelbagaikan segmen pasaran serta menyediakan pasukan kerja yang mantap dalam bidang pengeluaran, kawalan kualiti dan pemasaran. Selain itu, objektif pemasaran PERTIMA pula adalah untuk mencapai tahap kepuasan pelanggan melebihi 80%.
- Pihak Audit mendapati PERTIMA telah membuat kajian kepuasan pelanggan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada dua pihak iaitu pengedar dan pelanggan pada 30 April 2020. Hasil kajian mendapati sebilangan besar pengedar dan pelanggan berpuas hati terhadap mutu perkhidmatan dan produk PERTIMA. Bagaimanapun, kajian ini dijalankan oleh PERTIMA sendiri tanpa melalui penilaian secara bebas oleh pihak ketiga. Semakan Audit terhadap kajian yang dijalankan adalah seperti berikut:

i. Kajian Kepuasan Kepada Pengedar

- Penilaian terhadap pengedar dibuat berdasarkan empat kriteria iaitu tempoh penghantaran/pembekalan produk, kualiti produk (pematuhan dan kesesuaian), layanan cepat dan mesra pelanggan serta persaingan harga. Seramai 20 (28.2%) daripada 71 pengedar yang diedarkan borang soal selidik telah memberikan maklum balas. Berdasarkan maklum balas tersebut, sebanyak 93.7% pengedar berpuas hati dengan memberikan penilaian baik dan amat baik manakala 6.3% pengedar memberikan penilaian memuaskan terhadap mutu perkhidmatan PERTIMA seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
KEPUASAN PENGEDAR TERHADAP MUTU PERKHIDMATAN PERTIMA

BIL.	KRITERIA PENILAIAN	BIL./PERATUS (%)			
		LEMAH	MEMUASKAN	BAIK	AMAT BAIK
1.	Tempoh Penghantaran/ Pembekalan Produk	-	1 (5%)	15 (75%)	4 (20%)
2.	Kualiti Produk i. Pematuhan ii. Kesesuaian	-	-	11 (55%)	9 (45%)
3.	Layanan Cepat dan Mesra Pelanggan	-	-	10 (50%)	10 (50%)
4.	Persaingan Harga	-	4 (20%)	12 (60%)	4 (20%)
*SKOR PURATA KESELURUHAN			6.3%	60%	33.7%

Sumber: Laporan Kaji Selidik

*Nota: Skor Purata Keseluruhan = $\frac{\text{Jumlah Peratus Tahap Kepuasan}}{\text{Bilangan Kriteria Penilaian}}$

- Berdasarkan **Jadual 7**, kesemua pengedar berpuas hati dengan kualiti produk dan perkhidmatan pelanggan PERTIMA, manakala 19 (95%) pengedar berpuas hati dengan tempoh penghantaran/pembekalan produk dan 16 (80%) pengedar berpuas hati dengan harga yang ditawarkan oleh PERTIMA. Bagaimanapun, lima (25%) pengedar berpendapat tempoh penghantaran/pembekalan dan harga adalah memuaskan.

ii. Kajian Kepuasan Kepada Pelanggan

- Penilaian kepada pelanggan dibuat berdasarkan lapan kriteria iaitu pertimbangan harga, pembungkusan yang menarik, jenama, promosi, harga berpatutan, persembahan pembungkusan, cita rasa dan mudah diperoleh. Kesemua 20 pelanggan yang diedarkan borang soal selidik telah memberi maklum balas. Berdasarkan maklum balas, sebanyak

92.5% pelanggan bersetuju manakala 7.5% pelanggan tidak bersetuju dengan kriteria penilaian produk seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
KEPUASAN PELANGGAN TERHADAP PRODUK PERTIMA

BIL.	KRITERIA PENILAIAN PRODUK	BIL/PERATUS (%)	
		TIDAK SETUJU	SETUJU
1.	Pertimbangan Harga	-	20 (100%)
2.	Pembungkusan yang Menarik	1 (5%)	19 (95%)
3.	Jenama	2 (10%)	18 (90%)
4.	Promosi	-	20 (100%)
5.	Harga Berpatutan	1 (5%)	19 (95%)
6.	Persembahan Pembungkusan	2 (10%)	18 (90%)
7.	Cita rasa	-	20 (100%)
8.	Mudah Diperoleh	6 (30%)	14 (70%)
*SKOR PURATA KESELURUHAN		7.5%	92.5%

Sumber: Laporan Kaji Selidik

*Nota: Skor Purata Keseluruhan = $\frac{\text{Jumlah Peratus Tahap Kepuasan}}{\text{Bilangan Kriteria Penilaian}}$

- Berdasarkan **Jadual 8**, secara keseluruhannya sebilangan besar pelanggan bersetuju dengan produk PERTIMA daripada segi harga, pembungkusan, jenama, promosi, dan cita rasa produk dengan penilaian antara 90% hingga 100%. Bagaimanapun, hanya 70% pelanggan bersetuju dengan kriteria produk mudah diperoleh.

Maklum Balas PERTIMA yang Diterima Pada 8 Jun 2022 dan 16 Jun 2022

Dividen tidak diisyihar kerana PERTIMA mencatatkan kerugian terkumpul sejak penubuhan dan bergantung kepada kedudukan kewangan syarikat. Kepuasan 20 pelanggan boleh diambil kira dan memberi impak maklum balas secara minima. Bagaimanapun, kajian akan ditambah baik dengan penambahan sampel responden.

Pendapat Audit	Pencapaian keberhasilan aktiviti tidak dapat ditentukan secara objektif kerana tidak ada mekanisme penilaian ditetapkan. Bagaimanapun, berdasarkan analisis soal selidik yang dijalankan oleh PERTIMA, pengedar dan pelanggan berpuas hati dengan mutu perkhidmatan dan produk yang dihasilkan.
-----------------------	--

5.2. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti utama PERTIMA dinilai berdasarkan pengeluaran dan jualan produk makanan dalam tin. Penilaian dibuat terhadap lima perkara iaitu pengurusan bahan mentah, pengeluaran produk, pemasaran, pembangunan produk dan aset. Secara keseluruhannya, pengurusan pembangunan produk adalah baik kerana Jabatan Teknologi Makanan dan Halal sentiasa memantau kualiti produk bermula daripada penerimaan bahan mentah sehingga pengeluaran produk siap. Selain itu, perbandingan dalam rangkaian produk yang sama juga sentiasa dibuat untuk menambah baik kualiti produk. Produk yang telah berjaya dihasilkan adalah seperti kuah sate, kuah laksa dan pengeluaran produk untuk jenama lain. Semakan Audit terhadap pengurusan bahan mentah, pengeluaran produk, pemasaran dan pengurusan aset mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

5.2.1. Pengurusan Bahan Mentah

5.2.1.1. Mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP), Jabatan Pentadbiran dan Kewangan bertanggungjawab membuat pembelian bahan mentah apabila menerima borang pesanan belian daripada Unit Stor. Pesanan belian ini dibuat apabila stok barang siap berada pada tahap minimum dan diluluskan oleh Ketua Jabatan Pengeluaran dan Teknikal. Unit Stor seterusnya bertanggungjawab merekodkan penerimaan bahan mentah dalam kad stok dan juga pengeluaran bahan mentah apabila terdapat permohonan bahan mentah untuk pemprosesan.

5.2.1.2. Semakan Audit mendapati PERTIMA mempunyai dua kategori bahan mentah iaitu bahan mentah basah dan kering. Bahan mentah basah merupakan bahan masakan yang digunakan dalam pemprosesan produk seperti ikan, sos tomato, cili, bawang, minyak masak dan sebagainya. Bahan mentah kering pula merupakan barang pembungkusan produk seperti tin, kotak dan label.

a. Stok Bahan Mentah

Semakan Audit terhadap kad stok bahan mentah mendapati **baki akhir stok tahun sebelum berbeza dengan baki awal stok tahun berikutnya. Perbezaan ini disebabkan baki stok tidak direkodkan dengan teratur dan kemas kini.** Selain itu, lawatan fizikal Audit pada 30 Mac 2022 dan 7 April 2022 mendapati baki fizikal stok juga berbeza dengan kad stok. Perbezaan adalah seperti dalam **Jadual 9.**

JADUAL 9
PERBEZAAN BAKI FIZIKAL STOK DENGAN REKOD DI KAD STOK

BIL.	KATEGORI	BAKI		PERBEZAAN
		FIZIKAL	KAD STOK	
BAHAN MENTAH (BASAH)				
1.	Minyak Masak	2,472.46 kg	2,398.38 kg	74.08 kg
2.	<i>Modified Starch</i>	1,814.20 kg	1,718.82 kg	95.38 kg
3.	Tomato Puri	30,983 kg	31,380.15 kg	397.15 kg
BAHAN MENTAH (KERING)				
1.	Kotak Sardin Pertima 425 gram	22,995 keping	19,990 keping	3,005 keping
2.	Label Kuah Laksa	9,700 keping	4,065 keping	5,635 keping
3.	Tin Litho Agromas 425gram	93,957 unit	90,359 unit	3,598 unit
4.	Tin Plain 155 gram	31,500 unit	43,814 unit	12,314 unit

Sumber: Unit Stor, Jabatan Pengeluaran dan Teknikal

b. Stok Tin

i. Tin Daging Korban Islamic Relief Worldwide (IRW)

Pemeriksaan fizikal Audit ke stor penyimpanan pada 30 Mac 2022 mendapati **sebanyak 137,904 tin kosong bersaiz 454 gram bagi pengetinan daging korban masih tidak digunakan.**

Bagaimanapun, semakan Audit terhadap kad stok mendapati tiada stok tin tersebut direkodkan pada tahun 2022. Semakan Audit selanjutnya mendapati rekod terakhir stok tin adalah sebanyak 128,580 tin pada 1 Januari 2018 dengan perbezaan sebanyak 9,324 tin. Berdasarkan invois, harga seunit tin ialah RM0.76 menjadikan nilai stok tin kosong ini berjumlah RM104,807. Tin ini tidak akan digunakan lagi untuk program pengetinan daging korban kerana program tersebut tidak lagi diteruskan. Tin daging korban tersebut adalah seperti dalam **Gambar 1** dan **Gambar 2**.

GAMBAR 1



Stor Penyimpanan PERTIMA, Chendering
- Tin Daging Korban
(30.03.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Stor Penyimpanan PERTIMA, Chendering
- Tin Daging Korban
(30.03.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

ii. Tin Kari Ayam 1Malaysia dan Tin Kosong Tidak Berlabel

Semakan Audit mendapati berlaku **lebihan stok tin kosong sebanyak 19,760 bagi tin kari ayam 1Malaysia dan 17,550 bagi tin kosong tidak berlabel (produk kari ayam 285 gram)**. Berdasarkan invois, harga bagi tin kosong kari ayam 1Malaysia dan tin kosong tidak berlabel masing-masing ialah RM0.65 dan RM0.44 seunit menjadikan nilai stok ini berjumlah RM12,844 dan RM7,722. Stok tin kosong tersebut adalah seperti dalam **Gambar 3** dan **Gambar 4**.

GAMBAR 3



Stor Penyimpanan PERTIMA, Chendering
- Tin Kari Ayam 1Malaysia
(30.03.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Stor Penyimpanan PERTIMA, Chendering
- Tin Kosong Tidak Berlabel
(30.03.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas PERTIMA yang Diterima Pada 8 Jun 2022

Rekod fizikal dan stok kad telah dikemas kini pada 3 April 2022 dan didapati perbezaan minimum sahaja iaitu kurang daripada 1%. Bahagian Pengeluaran mengambil tindakan dengan memastikan rekod dikemas kini selepas hari pemprosesan dan mengadakan *pre-stock take* untuk kawalan dalaman. PERTIMA akan mendapatkan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk melupuskan lebihan stok tin kosong memandangkan kualiti tin yang rosak dan berkarat serta tidak boleh digunakan.

Pendapat Audit | Pengurusan bahan mentah kurang cekap kerana kajian perolehan, pengeluaran serta penilaian dan pemantauan bahan mentah tidak dibuat dengan teratur dan kemas kini.

5.2.2. Pengeluaran Produk

5.2.2.1. Keupayaan Pengeluaran Minimum Mesin

- a. Pengeluaran setiap produk PERTIMA melibatkan penggunaan beberapa jenis mesin yang sama seperti *boiler*, *pre-cooker*, *exhaust conveyor*, *seamer*, *retort*, *cooling tank* dan peralatan lain. Terdapat empat jenis mesin *seamer* yang berlainan penggunaannya iaitu *seamer* 1 bagi kari ayam, sambal bilis dan sapuan sardin, *seamer* 2 bagi sardin 155 gram, *seamer* 3 bagi seri kaya dan *seamer* 4 bagi sardin 425 gram, sardin 405 gram, kuah sate dan kuah laksa. Setiap mesin *seamer* mempunyai keupayaan pengeluaran minimum dan maksimum seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
KEUPAYAAN PENGELOUARAN
MINIMUM DAN MAKSIMUM MENGIKUT SETIAP MESIN SEAMER

MESIN	PRODUK	KEUPAYAAN PENGELOUARAN SEHARI	
		MINIMUM (Bil.)	MAKSIMUM (Bil.)
<i>Seamer</i> 1	Kari Ayam	19,500	31,200
	Sambal Bilis	19,500	31,200
	Sapuan Sardin	19,500	31,200
<i>Seamer</i> 2	Sardin 155 gram	19,500	78,000
<i>Seamer</i> 3	Seri Kaya	15,600	25,350
<i>Seamer</i> 4	Sardin 425 gram	19,500	78,000
	Sardin 405 gram	19,500	78,000
	Kuah Sate	19,500	78,000
	Kuah Laksa	19,500	78,000

Sumber: Jabatan Pengeluaran dan Teknikal

- b. Semakan Audit mendapati pengeluaran sebenar produk sardin 425 gram tidak mencapai keupayaan pengeluaran minimum mesin walaupun melebihi sasaran yang ditetapkan dalam PPS. Selain itu, sasaran pengeluaran dalam PPS juga tidak disedia mengikut keupayaan pengeluaran minimum mesin. Pencapaian pengeluaran produk sardin 425 gram adalah antara 64.2% hingga 88.1% seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
PENCAPAIAN PENGELUARAN PRODUK SARDIN 425 GRAM BERBANDING KEUPAYAAN MINIMUM MESIN BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	BILANGAN PENGELUARAN SETAHUN			PENCAPAIAN (%) (c/a x 100)
	*KEUPAYAAN MINIMUM MESIN (a)	SASARAN PPS (b)	SEBENAR (c)	
2019	1,384,500	1,116,000	1,220,142	88.1
2020	2,359,500	1,116,000	1,514,604	64.2
2021	2,262,000	1,116,000	1,830,684	80.9

Sumber: Jabatan Pengeluaran dan Teknikal

Nota (*) : Keupayaan Minimum Mesin = Keupayaan Pengeluaran Minimum Sehari x Bilangan Hari Pemprosesan Bagi Setiap Produk

- c. Semakan Audit seterusnya mendapati pengeluaran sebenar produk lain juga tidak mencapai keupayaan pengeluaran minimum mesin. Pencapaian pengeluaran produk lain berbanding keupayaan minimum mesin bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 adalah antara 58.9% hingga 79.2% sahaja seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PENCAPAIAN PENGELUARAN PRODUK LAIN BERBANDING KEUPAYAAN MINIMUM MESIN BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

PRODUK	BILANGAN PENGELUARAN SETAHUN		PENCAPAIAN (%) (b/a x 100)
	*KEUPAYAAN MINIMUM MESIN (a)	SEBENAR (b)	
TAHUN 2019			
Kari Ayam	78,000	36,805	47.2
Sambal Bilis	78,000	10,582	13.6
Sapuan Sardin	58,500	17,913	30.6
Sardin 155 gram	1,131,000	827,912	73.2
Seri Kaya	15,600	960	6.2
Sardin 405 gram	175,500	52,461	29.9
Kuah Sate	58,500	9,296	15.9
Kuah Laksa	39,000	7,269	18.6
JUMLAH	1,634,100	963,198	58.9
TAHUN 2020			
Kari Ayam	234,000	72,710	31.1
Sambal Bilis	97,500	37,824	38.8
Sapuan Sardin	19,500	8,783	45.0
Sardin 155 gram	468,000	647,927	138.4
Seri Kaya	31,200	4,170	13.4
Sardin 405 gram	214,500	144,475	67.4
Kuah Sate	78,000	12,407	15.9
Kuah Laksa	39,000	7,552	19.4
JUMLAH	1,181,700	935,848	79.2

PRODUK	BILANGAN PENGETAHUAN SETAHUN		PENCAPAIAN (%) (b/a x 100)
	*KEUPAYAAN MINIMUM MESIN (a)	SEBENAR (b)	
TAHUN 2021			
Kari Ayam	97,500	21,425	22.0
Sambal Bilis	39,000	19,937	51.1
Sardin 155 gram	643,500	589,442	91.6
Seri Kaya	15,600	2,164	13.9
Sardin 405 gram	39,000	26,043	66.8
Kuah Sate	136,500	21,400	15.7
Kuah Laksa	39,000	7,902	20.3
JUMLAH	1,010,100	688,313	68.1

Sumber: Jabatan Pengeluaran dan Teknikal

Nota (*) : Keupayaan Minimum Mesin = Keupayaan Pengeluaran Minimum Sehari x Bilangan Hari Pemprosesan Bagi Setiap Produk

Maklum Balas PERTIMA yang Diterima Pada 8 Jun 2022

Sasaran pengeluaran PPS adalah bergantung kepada ketersediaan bekalan bahan mentah utama (ikan) walaupun keupayaan mesin adalah tinggi berbanding pencapaian semasa. Keupayaan pengeluaran minimum mesin tidak dapat dicapai kerana bergantung kepada proses di bahagian lain yang berkaitan seperti bahagian pengisian, memasak dan proses *retort*. Selain itu, fasiliti mesin-mesin lain diperlukan dan memerlukan kos belanja yang agak tinggi dengan anggaran RM10 juta.

Pendapat | Pengurusan pengeluaran produk kurang cekap kerana tidak Audit mencapai keupayaan pengeluaran minimum mesin.

5.2.2.2. Pembinaan *Waste Water Treatment Plant*

- Mengikut Seksyen 31 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) boleh mengeluarkan notis secara bertulis kepada pemilik premis dan mengarah untuk menghentikan mana-mana benda yang berbahaya kepada alam sekeliling, pencemaran dan buangan yang dikeluarkan daripada premis. Selain itu, mengikut Peraturan 5, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, *Industrial Effluent Characteristic Study* (IECS) dilakukan bertujuan untuk menentukan ciri-ciri fizikal, biologi, kimia dan kualiti efluen akhir serta menentukan had pematuhan.

- b. Semakan Audit mendapati JAS telah melakukan pemeriksaan di PERTIMA pada 8 Jun 2021. Berdasarkan pemeriksaan oleh JAS, **PERTIMA telah dikenakan kompaun berjumlah RM4,000 kerana membuat pelepasan efluen tanpa dirawat yang boleh menyebabkan pencemaran alur air dan menjaskan kualiti air sungai.** Hasil siasatan JAS mendapati parameter sampel iaitu pepejal terampai, minyak dan gris serta *Chemical Oxygen Demand* (COD) melebihi had yang dibenarkan dan merupakan kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009. Bagi tujuan itu, PERTIMA telah melaksanakan IECS pada 17 Jun 2021 dan terdapat keperluan untuk membina *Waste Water Treatment Plant* (WWTP) bagi merawat sisanya buangan kilang.
- c. Semakan Audit mendapati perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2 dan Bil. 3 pada tahun 2021 tetapi tiada tindakan diambil. Setakat tarikh pengauditan pada 18 April 2022, **PERTIMA masih belum mengambil tindakan membina WWTP.** Kegagalan membina WWTP mengakibatkan syarikat boleh diarahkan untuk memberhentikan operasi.

Maklum Balas PERTIMA yang Diterima Pada 8 Jun 2022 dan 16 Jun 2022

Surat daripada PMINT bertarikh 20 Februari 2022 menyatakan penempatan kilang PERTIMA kekal di Kawasan Perindustrian Chendering sedia ada serta perlu mematuhi sistem saliran dan segala kos yang terlibat ditanggung oleh PERTIMA. Bagi tujuan itu, PERTIMA masih menilai dan meneliti setiap sistem yang ditawarkan berserta kos dengan pembekal. PERTIMA bercadang untuk memohon dana daripada Kerajaan negeri bagi pembinaan WWTP kerana kos yang tinggi.

Pendapat | Pengoperasian kilang tidak mematuhi sistem saliran yang Audit ditetapkan oleh JAS selagi WWTP tidak dibina.

5.2.3. Pengurusan Aktiviti Pemasaran

5.2.3.1. Jabatan Pemasaran dan Jualan bertanggungjawab untuk merangka, merancang dan melaksanakan aktiviti berkaitan jualan dan pemasaran produk. Setiap aktiviti yang dibuat mempunyai kertas kerja dan laporan penilaian aktiviti dibuat oleh Ketua Jabatan dan Pengurus Besar. Pada setiap tahun, PERTIMA menyediakan peruntukan untuk aktiviti pemasaran bergantung kepada kedudukan

kewangan syarikat. Bagaimanapun, peruntukan aktiviti pemasaran yang disediakan adalah rendah iaitu 0.6% (2019), 0.9% (2020) dan 1% (2021) sahaja berbanding pendapatan tahun sebelum. Peruntukan dan perbelanjaan aktiviti pemasaran adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
AKTIVITI PEMASARAN BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	PENDAPATAN TAHUN SEBELUM (RM) (a)	AKTIVITI PEMASARAN			
		PERUNTUKAN (RM) (b)	PERBELANJAAN (RM) (c)	PERATUS PERUNTUKAN (%) (b/a x 100)	PERATUS PERBELANJAAN (%) (c/b x 100)
2019	6,560,924	38,400	75,661	0.6	197.0
2020	6,902,440	63,600	55,466	0.9	87.2
2021	8,905,959	86,200	108,000	1.0	125.3
JUMLAH	22,369,323	188,200	239,127	0.8	127.1

Sumber: Jabatan Pemasaran dan Jualan

5.2.3.2. Analisis Audit mendapati perbelanjaan bagi aktiviti pemasaran pada tahun 2020 adalah 87.2% daripada peruntukan yang disediakan. Bagaimanapun, perbelanjaan pada tahun 2019 dan 2021 melebihi peruntukan iaitu sebanyak 197% dan 125.3%. Peningkatan perbelanjaan pemasaran pada tahun 2021 telah menyumbang kepada peningkatan jualan sejumlah RM3.19 juta iaitu RM12.09 juta berbanding RM8.90 juta pada tahun 2020.

5.2.3.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati aktiviti pemasaran yang dijalankan antaranya ialah pengiklanan di media elektronik, media cetak, iklan pada kenderaan dan program di *outlet* terpilih. Walaupun aktiviti pemasaran ini telah dijalankan secara meluas tetapi PERTIMA masih belum dapat bersaing dengan jenama lain di pasaran kerana segmen pasaran sukar diperoleh. Keadaan ini menyebabkan jenama PERTIMA kurang dikenali dan sukar untuk menembusi pasaran di peringkat nasional dan global. Selain itu, semakan Audit juga mendapati tiada laporan penilaian dibuat bagi menilai keberkesanan setiap aktiviti pemasaran yang dijalankan.

Maklum Balas PERTIMA yang Diterima Pada 8 Jun 2022 dan 16 Jun 2022

Perbelanjaan pemasaran pada tahun 2020 rendah disebabkan aktiviti pemasaran yang terhad semasa dalam tempoh PKP menyebabkan pergerakan terbatas dan semua *exhibition* tidak boleh dijalankan. Penilaian setiap aktiviti pemasaran dijalankan dengan cara perbincangan atau verbal melalui pencapaian jualan dalam

mesyuarat bulanan. Bahagian Pemasaran dalam usaha menambah baik penilaian aktiviti berbentuk laporan bermula Julai 2022.

Pendapat Audit Secara keseluruhannya, aktiviti pemasaran yang dijalankan terhad disebabkan peruntukan yang disediakan rendah. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan produk masih kurang dikenali di pasaran.

5.2.4. Pengurusan Aset

5.2.4.1. Sesuatu aset hendaklah digunakan dengan baik mengikut fungsinya bagi mencapai pengeluaran yang optimum. Selain itu, penyenggaraan aset secara berjadual adalah penting bagi memastikan aset dalam keadaan baik dan dapat digunakan sepenuhnya.

5.2.4.2. Lawatan fizikal Audit di kilang PERTIMA pada 30 Mac 2022 mendapati tiga aset telah rosak dan terbiar serta satu aset tidak digunakan seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
ASET ROSAK DAN TERBIAR SERTA TIDAK DIGUNAKAN

BIL.	NAMA ASET	KEGUNAAN ASET	TARIKH KEROSAKAN	STATUS	GAMBAR
1.	<i>Schinder Full Auto PE Shrin</i>	Pembungkusan air tin berkarton	Tahun 2000	Rosak dan terbiar	Gambar 5
2.	<i>Sacher Machine</i>	Adunan tepung		Rosak dan terbiar	Gambar 6
3.	<i>Purdy Beth</i>	Mesin label tin plain		Rosak dan terbiar	Gambar 7
4.	Pemerah Jus	Memerah asam jawa	-	Berfungsi tetapi tidak digunakan	Gambar 8

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 5



Kilang PERTIMA Chendering, Terengganu
- *Schinder Full Auto PE Shrin* Rosak dan Terbiar
(30.03.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6



Kilang PERTIMA Chendering, Terengganu
- *Sacher Machine* Rosak dan Terbiar
(30.03.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 7

Kilang PERTIMA Chendering, Terengganu
- Purdy Beth Rosak dan Terbiar
(30.03.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8

Kilang PERTIMA Chendering, Terengganu
- Pemerah Jus Berfungsi Tetapi Tidak Digunakan
(30.03.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas PERTIMA yang Diterima Pada 8 Jun 2022 dan 16 Jun 2022

Sacher Machine dan *Purdy Beth* telah dihapus kira daripada sistem tetapi belum dilupuskan secara fizikal. Tindakan pelupusan akan diambil oleh pihak pengurusan dua bulan daripada sekarang. *Schinder Full Auto PE Shrin* pula akan dihapus kira setelah mendapat kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah. Bagi mesin Pemerah Jus, kegunaannya adalah pilihan kerana pemerahan asam jawa biasanya dibuat secara manual bergantung kepada jumlah pengeluaran produk.

Pendapat Pengurusan asset kurang cekap kerana asset rosak tidak diambil tindakan pelupusan serta asset tidak digunakan.

5.3. Tadbir Urus Korporat

5.3.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Sebagai sebuah syarikat, PERTIMA perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, Perlembagaan Syarikat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Prosedur Operasi Standard (SOP). Selain itu, antara amalan terbaik yang boleh diguna pakai adalah Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG) 2021, The Green Book - Enhancing Board Effectiveness April 2006 dan Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 [MKD Handbook].

5.3.2. Semakan Audit mendapati PERTIMA telah mengamalkan tiga daripada lapan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengerusi, Pengurus Besar dan SOP.

Bagaimanapun, lima aspek tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya iaitu aspek Lembaga Pengarah; Setiausaha Syarikat; Pelan Perancangan Strategik (PPS) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI); Jawatankuasa Audit (JKA); dan Audit Dalam seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PENEMUAN AUDIT BERKAITAN AMALAN TADBIR URUS KORPORAT

ELEMEN	AMALAN TERBAIK	PENEMUAN AUDIT
Lembaga Pengarah	MCCG 2021 (amalan 3.1) - Lembaga Pengarah mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika syarikat.	Kod Tatalaku dan Etika syarikat tidak disediakan.
Setiausaha Syarikat	MCCG 2021 (amalan 1.5 dan panduan 1.5) - Peranan dan tanggungjawab Setiausaha Syarikat adalah menasihati Lembaga Pengarah mengenai peranan dan tanggungjawab, memantau perkembangan tadbir urus korporat dan membantu dalam melaksanakan tadbir urus.	Setiausaha Syarikat tidak menasihati Lembaga Pengarah bagi membentang dan meluluskan PPS & KPI serta penubuhan JKA.
PPS dan KPI	MCCG 2021 (amalan 1.1) dan MKD <i>Handbook</i> perenggan 2.2(b) - Syarikat beroperasi selaras dengan objektif penubuhannya melalui penyediaan pelan strategik, pelan perniagaan yang mantap dan rangka kerja tadbir urus yang berkesan.	PPS & KPI yang disediakan untuk tempoh lima tahun (2017 hingga 2021) tidak dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
JKA	MCCG 2021 - Amalan Yang Dipertingkatkan 9.4 - JKA hendaklah terdiri daripada Pengarah Bebas sahaja.	Dua daripada empat ahli JKA tersebut adalah Pengarah Bukan Bebas yang merupakan ahli politik dan Ketua Pegawai Operasi dalam syarikat induk.
Audit Dalam	MCCG 2021 (panduan 11.1) - Peranan utama Audit Dalam ialah untuk menilai pematuhan, pengurusan kepada dasar dan prosedur yang ditetapkan.	Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan. Fungsi Audit Dalam dilaksanakan di peringkat PMINT.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum Balas PERTIMA yang Diterima Pada 8 Jun 2022 dan 16 Jun 2022

Kod Tatalaku dan Etika Syarikat bagi Lembaga Pengarah dan Setiausaha akan diwujudkan berdasarkan Garis Panduan Amalan 3.1 MCCG 2021. Lembaga Pengarah akan menyedia dan membentangkannya dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah bulan Disember 2022 untuk kelulusan.

PMINT telah mengambil inisiatif dengan membuat penilaian prestasi Setiausaha Syarikat setiap dua tahun. PERTIMA telah menerima Borang Penilaian Prestasi Setiausaha syarikat pada 26 Mei 2022 untuk dibuat penilaian ke atas Setiausaha Syarikat merangkumi beberapa aspek termasuk kemahiran, pengetahuan, kualiti kerja, kefahaman dan beberapa aspek lain yang berkaitan.

PPS dan KPI bagi tempoh lima tahun 2017 hingga 2021 dibuat di peringkat Pengurusan dan dihantar kepada syarikat induk (PMINT) pada tahun 2017. PERTIMA akan menambah baik pemantauan dan pencapaian KPI untuk Pelan Strategik 2022 hingga 2026.

JKA telah ditubuhkan pada 20 Mac 2022 berdasarkan minit Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Bil. 1/2022. Syarikat juga dalam proses memuktamadkan Pelan Strategik 2022 hingga 2026 serta pemantauan dan pencapaian KPI akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah pada suku ke-2, tahun 2022.

PERTIMA akan menambah baik lantikan Jawatankuasa Audit di kalangan Pengarah Bebas dan pelaksanaan audit dalam akan dilaksanakan oleh Bahagian Audit Dalam PMINT dengan kaedah penggiliran ke atas semua syarikat subsidiari PMINT (anggaran tempoh masa dijalankan setiap tiga tahun). Laporan Audit Dalam akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit.

Pendapat Audit | Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus korporat adalah memuaskan, bagaimanapun terdapat beberapa aspek yang boleh ditambah baik.

5.4. Kedudukan Kewangan

5.4.1. Penyata Kewangan bagi tahun 2018, 2019 dan 2020 telah diberi Sijil Tanpa Teguran oleh Tetuan Jalil & Co.. Analisis terhadap kedudukan kewangan PERTIMA bagi tahun 2018, 2019 dan 2020 telah dilaksanakan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; aset dan liabiliti; nisbah kewangan; serta tunai dan kesetaraan tunai seperti dalam **Jadual 16, Carta 3** dan **Carta 4**.

JADUAL 16
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018, 2019 DAN 2020

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
Pendapatan Utama	6.53	6.90	8.62
Lain-lain Pendapatan	0.03	0*	0.28
JUMLAH PENDAPATAN	6.56	6.90	8.90
Kos Jualan	4.96	6.12	6.07
Perbelanjaan Pentadbiran	1.12	1.23	0.99
Perbelanjaan Operasi	0.35	0.42	0.38
Perbelanjaan Kewangan	0**	0***	0.12
JUMLAH PERBELANJAAN	6.43	7.77	7.56

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai	0.13	(0.87)	1.34
Cukai/(Lebihan Cukai)	(0)****	-	-
Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai	0.13	(0.87)	1.34
KERUGIAN TERKUMPUL	(15.69)	(16.51)	(15.50)
JUMLAH ASET	7.27	6.54	7.96
JUMLAH LIABILITI	15.51	15.65	16.06
JUMLAH EKUITI	(8.24)	(9.11)	(8.10)
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI	7.27	6.54	7.96

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2018, 2019 dan 2020

Nota: * RM7,206

** RM5,234

*** RM4,727

**** (RM516)

5.4.2. Pendapatan utama adalah daripada hasil jualan produk makanan dalam tin seperti sardin, kari ayam, kuah sate, kuah laksa Terengganu, sambal bilis, sapuan sardin dan seri kaya. Hasil pendapatan utama menunjukkan trend meningkat bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020. Peningkatan ini disebabkan penjualan *goodies bag* yang mengandungi produk dalam tin PERTIMA bagi program Pilihan Raya 2018, permintaan barang keperluan utama semasa PKP dan jualan daripada kempen *Buy Muslim First* (BMF).

5.4.3. Perbelanjaan terdiri daripada kos jualan, perbelanjaan pentadbiran, perbelanjaan operasi dan perbelanjaan kewangan. Kos jualan mencatatkan perbelanjaan yang tertinggi bagi ketiga-tiga tahun iaitu sebanyak 77.1% pada tahun 2018, 78.7% (2019) dan 80.3% (2020). Kos jualan terdiri daripada pembelian stok bahan mentah dan barang siap seperti barang keperluan asas untuk penjualan *goodies bag*. Perbelanjaan pentadbiran pula mencatatkan perbelanjaan kedua tertinggi bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020. Perbelanjaan ini merangkumi gaji dan kebajikan pekerja, perbelanjaan utiliti, peruntukan susut nilai dan peruntukan hutang ragu. Bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020, PERTIMA mencatatkan trend perbelanjaan yang tidak konsisten (naik dan turun).

5.4.4. Analisis Audit mendapati perbelanjaan PERTIMA pada tahun 2018 dan 2020 adalah berjumlah RM6.43 juta dan RM7.56 juta tidak melebihi pendapatan yang berjumlah RM6.56 juta dan RM8.90 juta. Bagaimanapun pada tahun 2019, perbelanjaan PERTIMA berjumlah RM7.77 juta melebihi pendapatan yang berjumlah RM6.90 juta. Peratusan perbelanjaan berbanding pendapatan adalah antara 84.9% hingga 112.6%.


5.4.5. Trend pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2018, 2019 dan 2020 telah memberi kesan kepada kerugian syarikat. Pada tahun 2020, PERTIMA merekodkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM1.34 juta iaitu peningkatan keuntungan sebelum cukai sejumlah RM2.21 juta (254%) berbanding tahun 2019. Peningkatan keuntungan sebelum cukai ini telah memberi kesan kepada penurunan kerugian terkumpul berjumlah RM15.50 juta pada tahun 2020.

CARTA 3
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit

CARTA 4
TREND KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI DAN KERUGIAN TERKUMPUL BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit

5.4.6. Analisis Audit mendapati **PERTIMA tidak mempunyai sumber yang mencukupi bagi memenuhi obligasinya kerana kedudukan aset kurang daripada liabiliti bagi tahun 2018, 2019 dan 2020**. Aset syarikat yang berjumlah RM7.27 juta (2018), RM6.54 juta (2019) dan RM7.96 juta (2020) adalah rendah berbanding liabiliti syarikat yang berjumlah RM15.51 juta (2018), RM15.65 juta (2019) dan RM16.06 juta (2020).

5.4.7. Syarikat mempunyai liabiliti yang tinggi disebabkan oleh amaun terhutang kepada syarikat induk iaitu PMINT. Semakan Audit mendapati **PERTIMA tidak membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual walaupun mencatatkan peningkatan jualan dan keuntungan pada tahun 2020**.

Tunggakan bayaran balik pinjaman bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2020

TAHUN	JUMLAH TUNGGAKAN (RM Juta)	PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
		(RM Juta)	(%)
2018	14.53	TB	TB
2019	13.47	(1.06)	(7.3)
2020	13.89	0.42	3.1

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2018, 2019 dan 2020

Nota: TB - Tidak Berkenaan

5.4.8. Melalui analisis nisbah semasa, didapati tahap kecairan syarikat berada di tahap baik iaitu 7.14:1 (2018), 2.81:1 (2019) dan 3.49:1 (2020). Nisbah semasa ini menunjukkan kemampuan aset semasa ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek.

5.4.9. Jumlah aset yang terdiri daripada Aset Bukan Semasa dan Aset Semasa telah menunjukkan trend turun naik bagi tempoh tiga tahun iaitu RM7.27 juta pada tahun 2018 kepada RM6.54 juta pada tahun 2019 iaitu menurun sebanyak RM0.73 juta (10%). Pada tahun 2020 pula, jumlah aset meningkat sebanyak RM1.42 juta (21.7%) kepada RM7.96 juta. Penurunan dan peningkatan jumlah aset dipengaruhi oleh aset semasa. Komponen terbesar yang mempengaruhi penurunan dan peningkatan aset semasa adalah inventori, penghutang dan tunai di bank.

5.4.10. Semakan Audit mendapati tunggakan hutang sehingga 31 Disember 2020 berjumlah RM1.14 juta. Pada tahun 2020, tunggakan hutang meningkat sebanyak RM0.24 juta (26.7%) kepada RM1.14 juta berbanding RM0.90 juta pada tahun 2019. Tunggakan hutang bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
TUNGGAKAN HUTANG BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2020

TAHUN	JUMLAH TUNGGAKAN (RM Juta)	PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
		(RM Juta)	(%)
2018	0.38	TB	TB
2019	0.90	0.52	136.8
2020	1.14	0.24	26.7

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2018, 2019 dan 2020

Nota: TB - Tidak Berkenaan

5.4.11. Analisis Audit turut dijalankan terhadap kedudukan aliran tunai bagi menilai keupayaan syarikat untuk menjana aliran tunai daripada operasi, pelaburan dan pembiayaan. Pada akhir tahun 2020, PERTIMA mempunyai tunai dan kesetaraan

tunai berjumlah RM1.89 juta iaitu menurun sebanyak RM0.40 juta (17.5%) berbanding RM2.29 juta pada tahun 2019. Penurunan ini disebabkan oleh penurunan aliran tunai daripada aktiviti operasi yang mana pembayaran kepada pembekal bagi stok bahan mentah lebih tinggi daripada tahun sebelum. Selain itu, bayaran daripada penghutang yang tidak diterima juga mempengaruhi baki tunai.

Pendapat Audit Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan PERTIMA adalah stabil kerana mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM1.34 juta dan penurunan kerugian terkumpul sejumlah RM1.01 juta pada tahun 2020.

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan pengauditan terhadap aktiviti utama, tadbir urus korporat dan kedudukan kewangan yang telah dinilai, visi PERTIMA untuk menjadi peneraju utama dalam sektor pembuatan produk makanan halal dalam tin di Malaysia dan membina pasaran di peringkat global masih belum dapat dicapai. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan antaranya tidak menetapkan mekanisme penilaian pencapaian keberhasilan aktiviti, pengeluaran produk tidak mencapai keupayaan pengeluaran minimum mesin dan pembinaan WWTP tidak dibuat. Aspek tadbir urus korporat adalah memuaskan tetapi memerlukan penambahbaikan selaras dengan amalan terbaik korporat. Manakala kedudukan kewangan pula menunjukkan syarikat berada pada tahap stabil kerana syarikat merekodkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM1.34 juta dan penurunan kerugian terkumpul sejumlah RM1.01 juta pada tahun 2020.

7. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pengurusan aktiviti dan memantapkan keupayaan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan PERTIMA memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- 7.1. menjalankan aktiviti pemasaran dengan lebih agresif serta memperluaskan segmen pasaran untuk meningkatkan permintaan serta jualan produk;

- 7.2. mendapatkan peruntukan yang mencukupi untuk membina WWTP sebagaimana digariskan dalam Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling bagi memastikan operasi kilang tidak terjejas;
- 7.3. mengambil tindakan yang lebih proaktif bagi memastikan tunggakan penghutang dapat dikutip serta memastikan bayaran balik pinjaman kepada PMINT mengikut jadual; dan
- 7.4. memastikan tadbir urus korporat dipertingkatkan antaranya berkaitan peranan Setiausaha Syarikat dalam menasihati Lembaga Pengarah, kelulusan PPS dan KPI oleh Lembaga Pengarah serta pelantikan ahli JKA.

HASIL PENGAUDITAN YANG DILAPORKAN SECARA RINGKAS

**UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI
PEJABAT DAERAH KUALA NERUS
PEJABAT DAERAH DUNGUN
PEJABAT DAERAH KEMAMAN**

2. PROGRAM PERUMAHAN TERENGGANU-KU SEJAHTERA

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

PEJABAT DAERAH KUALA NERUS

PEJABAT DAERAH DUNGUN

PEJABAT DAERAH KEMAMAN

2. PROGRAM PERUMAHAN TERENGGANU-KU SEJAHTERA

1.1. Program Perumahan Terengganu-Ku Sejahtera (PPTS) bertujuan untuk membela nasib golongan miskin yang kediamannya berada dalam keadaan terlalu uzur agar dapat menikmati kediaman yang lebih selesa dan selamat. Semua pejabat daerah berperanan sebagai agensi pelaksana di kawasan masing-masing dan sumber peruntukan adalah daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Terdapat dua jenis bantuan PPTS iaitu bina baharu (kadar bantuan RM56,000) dan baik pulih rumah (kadar bantuan RM13,000). Golongan sasar PPTS terdiri daripada peserta yang berdaftar di bawah sistem eKasih, warga emas (melebihi umur 65 tahun), Orang Kelainan Upaya (OKU), ibu/bapa tunggal yang mempunyai tanggungan ramai dan mangsa bencana alam. Bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020, peruntukan PPTS berjumlah RM74.19 juta dan sejumlah RM68.01 juta atau 91.7% telah dibelanjakan bagi pelaksanaan 142 bina baharu dan 6,098 baik pulih di lapan daerah.

1.2. Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program Perumahan Terengganu-Ku Sejahtera telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan. Semakan terhadap rekod dan dokumen yang berkaitan bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020 telah dijalankan di Pejabat Daerah Kuala Nerus (PDKN), Pejabat Daerah Dungun (PDD) dan Pejabat Daerah Kemaman (PDK). Jumlah sampel bagi semakan dokumen adalah sebanyak 603 (23%) daripada 2,619 penerima bantuan, iaitu 62 sampel bagi bina baharu dan 541 sampel bagi baik pulih. Selain itu, lawatan fizikal ke 37 lokasi bina baharu dan 95 lokasi baik pulih telah dijalankan bagi mengesahkan pelaksanaan projek.

1.3. Secara keseluruhannya, pihak Audit mendapati **pelaksanaan PPTS adalah selaras dengan objektif program melalui pembinaan 142 rumah bina baharu dan 6,098 baik pulih rumah kepada golongan sasar**. Hasil lawatan Audit mendapati kualiti rumah yang dibina dan dibaik pulih adalah baik, selesa dan selamat diduduki oleh penerima bantuan. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan Auditi adalah seperti berikut:

1.3.1. Pencapaian Output

- a. Golongan sasar PPTS terdiri daripada Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar dan miskin yang ditentukan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa. Penerima bantuan PPTS hendaklah disahkan sebagai miskin tegar dan miskin serta berdaftar dalam sistem eKasih serta mendapat pengesahan dan sokongan daripada Yang Berhormat (YB) Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)/Pegawai Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN). Penyaluran peruntukan dibuat sebanyak dua kali setahun, iaitu pada bulan Januari dan Julai melibatkan peruntukan berjumlah antara RM0.75 juta hingga RM1 juta bagi setiap kawasan DUN.
- b. Bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020, semakan Audit mendapati sebanyak 2,661 cadangan nama telah dikemukakan oleh Pejabat YB ADUN/Pegawai Penyelaras DUN iaitu masing-masing 70 cadangan nama untuk bantuan bina baharu dan 2,591 pula untuk baik pulih. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 65 atau 92.9% cadangan nama bantuan bina baharu dan 2,554 atau 98.6% cadangan nama bantuan baik pulih telah diluluskan.
- c. Berdasarkan skop pengauditan bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020, PDKN, PDD dan PDK telah menyiapkan 65 rumah bina baharu dan 2,554 baik pulih rumah menggunakan sejumlah RM28.39 juta atau 91.6% daripada peruntukan berjumlah RM31 juta. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 1** dan **Jadual 2**.

JADUAL 1
BILANGAN RUMAH BINA BAHARU
DAN BAIK PULIH BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2020

DAERAH	TAHUN					
	2018		2019		2020	
	BB	BP	BB	BP	BB	BP
Kuala Nerus	4	260	7	295	11	259
Dungun	-	241	4	402	24	266
Kemaman	2	279	2	333	11	219
JUMLAH	6	780	13	1,030	46	744
BILANGAN RUMAH BINA BAHARU						65
BILANGAN RUMAH BAIK PULIH						2,554

Sumber: Pejabat Daerah Kuala Nerus, Pejabat Daerah Dungun Dan Pejabat Daerah Kemaman

Nota: BB - Bina Baharu

BP - Baik Pulih

JADUAL 2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2020

DAERAH	2018		2019		2020	
	P (RM Juta)	B (RM Juta)	P (RM Juta)	B (RM Juta)	P (RM Juta)	B (RM Juta)
Kuala Nerus	3.00	2.65	3.50	3.39	3.50	3.50
Dungun	3.00	1.75	3.75	3.51	3.75	3.71
Kemaman	3.00	2.81	3.75	3.41	3.75	3.66
JUMLAH	9.00	7.21	11.00	10.31	11.00	10.87
PERUNTUKAN KESELURUHAN (RM Juta)				31.00		
PERBELANJAAN KESELURUHAN (RM Juta)				28.39		
PERATUS KESELURUHAN (%)				91.6		

Sumber: Pejabat Daerah Kuala Nerus, Pejabat Daerah Dungun Dan Pejabat Daerah Kemaman

Nota: P - Peruntukan

B - Perbelanjaan

- d. Berdasarkan Garis Panduan PPTS, semua projek hendaklah disiapkan dalam tahun semasa. Semakan Audit berdasarkan pensampelan mendapati kesemua 62 sampel projek bina baharu bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020 di tiga daerah berjaya disiapkan dalam tahun semasa. **Bagi baik pulih rumah, daripada 541 sampel yang disemak, 536 atau 99% telah dapat disiapkan dalam tahun semasa.** Manakala **lima kerja melibatkan PDD mengalami kelewat antara 148 hingga 243 hari dari tarikh penyiapan dibenarkan dan pelaksanaan projek telah melebihi tahun semasa.** Sehubungan itu, peruntukan pembangunan bagi tahun 2020 berjumlah RM49,462 telah digunakan bagi menjelaskan bayaran kerja yang sepatutnya diselesaikan pada tahun 2019. Kesannya, bilangan penerima bantuan tahun 2020 berkurangan kerana peruntukan digunakan untuk menjelaskan bayaran kerja tahun sebelumnya.

Maklum Balas yang Diterima Daripada PDD Pada 19 Mei 2022

Terdapat nama pemohon yang dicadangkan oleh pihak YB ADUN/Penyelaras DUN ditolak kerana pertindihan nama dengan agensi lain terutamanya Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu (MAIDAM) serta rumah pemohon masih elok setelah disiasat oleh pejabat daerah. Selain itu, punca kelewat kerja siap melebihi tahun semasa disebabkan peruntukan lewat diterima dan masalah banjir pada hujung tahun. Bagi memastikan kelancaran projek pada masa akan datang, PDD akan mengadakan perbincangan berkala dengan YB ADUN/Pegawai Penyelaras DUN.

Pendapat Audit | Tempoh penyiapan projek rumah bina baharu dan kerja baik pulih adalah baik bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020 kecuali lima kerja baik pulih yang lewat siap dan melebihi tahun semasa.

1.3.2. Pencapaian Keberhasilan

- a. Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 1 Tahun 2017, Pegawai Pengawal dikehendaki mengambil langkah-langkah meningkatkan keberkesanan perbelanjaan awam dan mengutamakan keberhasilan dalam melaksanakan sesuatu program/aktiviti dengan membuat penilaian terhadap program/aktiviti sedia ada.
- b. Objektif PPTS adalah untuk membela nasib golongan miskin yang kediaman mereka berada dalam keadaan terlalu uzur agar dapat menikmati kediaman yang lebih selesa dan selamat. Semakan Audit mendapati **UPEN dan Pejabat Daerah tidak mewujudkan sebarang mekanisme penilaian bagi menentukan tahap keberhasilan PPTS. Bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020, seramai 6,240 penduduk Negeri Terengganu yang layak telah menerima manfaat PPTS melibatkan 142 bina baharu dan 6,098 baik pulih di lapan daerah.**
- c. Hasil lawatan Audit mendapati **kualiti rumah yang dibina dan dibaik pulih adalah baik, selesa dan selamat diduduki oleh penerima bantuan. Gambar 1 dan Gambar 3 menunjukkan contoh rumah baharu penerima bantuan berbanding keadaan rumah asal seperti di Gambar 2 dan Gambar 4.**

GAMBAR 1



Felda Belara, Tepoh
- Rumah Baharu yang Dibina
(27.10.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Felda Belara, Tepoh
- Rumah yang Diduduki Sebelum Menerima Bantuan Bina Baharu
(27.10.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



Kampung Meraga Beris, Kijal
- Rumah Baharu yang Dibina
(15.02.2022)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4




Kampung Meraga Beris, Kijal
- Keadaan Rumah Asal yang
Sebahagiannya Telah Dirobohkan
(15.02.2022)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- d. Seterusnya, pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada 25 atau 40.3% daripada 62 penerima bantuan bina baharu. Secara keseluruhannya, hasil maklum balas soal selidik mendapati **penerima bantuan berpuas hati dengan bantuan yang diterima** kerana membantu mengurangkan kos perbelanjaan isi rumah. Analisis Audit selanjutnya, mendapati sebanyak lima atau 20% responden sebelumnya tinggal di kediaman sendiri yang berada dalam keadaan terlalu uzur dan tidak selamat untuk diduduki. Selain itu, 11 atau 44% responden menumpang di rumah milik keluarga manakala sembilan atau 36% responden pula menyewa dengan bayaran sewa bulanan antara RM50 hingga RM400. Maklumat lanjut seperti di **Carta 1**.

CARTA 1
STATUS KEDIAMAN SEBELUM
MENDAPAT BANTUAN BINA BAHARU



Maklum Balas yang Diterima Daripada UPEN pada 06 Julai 2022

UPEN akan memperkasakan Jawatankuasa PPTS yang dianggotai oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu, Unit Audit Dalam dan semua pejabat daerah. Selain itu, jawatankuasa ini juga turut disertai oleh MAIDAM, KPLB dan Jabatan Kerja Raya Terengganu secara bersepada bagi meneliti keberhasilan serta menilai pencapaian yang telah dicapai untuk program ini. Jawatankuasa PPTS ini akan menyelaraskan mesyuarat secara berkala bagi setiap tiga bulan bagi tujuan pelaporan serta pelaksanaan yang telah dilakukan oleh setiap pejabat daerah.

Pendapat Audit	Pencapaian keberhasilan PPTS tidak dapat ditentukan secara objektif kerana mekanisme penilaian tidak diwujudkan oleh UPEN dan pejabat daerah. Namun berdasarkan lawatan Audit dan maklum balas soal selidik, pelaksanaan PPTS secara umumnya telah dibuat selaras dengan objektif yang ditetapkan dan membantu meringankan beban kewangan penerima bantuan.
-----------------------	--

1.3.3. Pengurusan PPTS

Secara keseluruhannya, pengurusan PPTS adalah baik **kecuali** bagi isu yang dibangkitkan di perenggan berikutnya:

a. Kerja Tidak Mengikut Pelan Ditetapkan

- i. Berdasarkan garis panduan PPTS, pembinaan rumah baharu adalah menggunakan pelan reka bentuk seragam sebagaimana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 30 Januari 2013.
- ii. Bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020, sebanyak 65 rumah bina baharu telah disiapkan. Semakan Audit terhadap 62 inden kerja mendapati kerja tersebut telah disempurnakan dan diperakui oleh pejabat daerah. Bagaimanapun lawatan Audit ke 37 rumah bina baharu yang diperakui siap pada tahun 2020 mendapati **sebahagian kerja pembinaan bagi empat rumah di daerah Kuala Nerus tidak dilaksanakan mengikut pelan yang ditetapkan. Didapati awning pintu dapur di tiga rumah dan longkang di satu rumah tidak dibina**. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 3** dan **Gambar 5** hingga **Gambar 8**.

JADUAL 3
PENYIAPAN KERJA TIDAK MENGIKUT PELAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT		RUJUKAN GAMBAR
	SEPATUT	SEBENAR	
1.	Pembuatan longkang seperti lakaran pelan	Longkang tidak dibina	Gambar 5 & Gambar 6
2.	Pemasangan awning seperti lakaran pelan	Awning tidak dibina di tiga buah rumah	Gambar 7 & Gambar 8


Sumber: Pejabat Daerah Kuala Nerus

GAMBAR 5



Kampung Padang Maras, Kuala Nerus
 Longkang Tidak Dibina
 (26.10.2021)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6




Lakaran Longkang Dalam Pelan
 (Sumber: PDKN)

GAMBAR 7



Kampung Bukit Tunggal, Kuala Nerus
 Awning Pintu Dapur Tidak Dibina
 (25.10.2021)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



Lakaran Awning Dalam Pelan
 (Sumber: PDKN)

Maklum Balas yang Diterima Daripada PDKN Pada 19 Mei 2022

PDKN memaklumkan semua kerja yang dibangkitkan dalam penemuan Audit telah dilaksanakan oleh kontraktor. Bagi mengelakkan perkara ini berulang, jadual lawatan tapak akan disediakan bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut pelan yang ditetapkan.

Pendapat Audit | Pelaksanaan kerja adalah kurang memuaskan kerana terdapat sebahagian kerja tidak dilaksanakan mengikut pelan yang ditetapkan.

1.4. Bagi tujuan penambahbaikan serta memantapkan pengurusan PPTS, adalah disyorkan supaya pejabat daerah mengambil tindakan seperti berikut:

- 1.4.1. memastikan tindakan segera diambil apabila sesuatu kerja menghadapi masalah kelewatan supaya tidak melebihi tahun semasa bagi memastikan bilangan penerima tahun berikutnya tidak terjejas; dan
- 1.4.2. memastikan pemantauan yang rapi dan berterusan supaya pelaksanaan kerja mengikut jadual dan pelan yang ditetapkan.

PENUTUP



PENUTUP

1. Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan mendapati masih wujud kelemahan dalam pelaksanaan program/projek/aktiviti jabatan dan syarikat Kerajaan negeri. Kelemahan ini menyebabkan objektif pelaksanaan program/projek/aktiviti tidak dapat dicapai sepenuhnya dan kurang memberi impak kepada kumpulan sasaran. Namun begitu, pihak jabatan dan syarikat Kerajaan negeri yang terlibat telah mengambil tindakan terhadap sebahagian daripada teguran Audit yang dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2021 Siri 1 ini. Sebagai rumusan, empat cadangan utama telah dikemukakan untuk mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:
 - a. Aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkat dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan pelaksana, kontraktor dan vendor. Manakala bagi aktiviti operasi yang tertakluk kepada peruntukan undang-undang, aspek penguatkuasaan perlu diberi penekanan untuk meningkatkan tahap pematuhan.
 - b. Jabatan dan syarikat Kerajaan negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama berlaku dalam aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.
 - c. Aspek latihan juga perlu diberi perhatian kepada setiap peringkat pegawai/kakitangan bagi meningkatkan lagi kompetensi mereka dalam pengurusan dan pelaksanaan program/projek/aktiviti serta pengurusan syarikat Kerajaan negeri.
 - d. Lembaga Pengarah syarikat perlu memantau aktiviti syarikat Kerajaan negeri untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.
2. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti sektor awam di negara ini. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan berintegriti.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
14 Julai 2022**

AKRONIM



AKRONIM

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
ALP	Ahli Lembaga Pengarah
BMF	<i>Buy Muslim First</i>
COD	<i>Chemical Oxygen Demand</i>
DUN	Dewan Undangan Negeri
FAMA	Federal Agricultural Marketing Authority
HACCP	<i>Hazard Analysis Critical Control Point</i>
IECS	<i>Industrial Effluent Characteristic Study</i>
IRW	Islamic Relief Worldwide
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JKA	Jawatankuasa Audit
KIR	Ketua Isi Rumah
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
KPLB	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
MAIDAM	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu
MCCG	Malaysian Code on Corporate Governance
MESTI	Makanan Selamat Tanggungjawab Industri
MKD Handbook	Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan)
OEM	<i>Original Equipment Manufacturer</i>
OKU	Orang Kelainan Upaya
PDD	Pejabat Daerah Dungun
PDK	Pejabat Daerah Kemaman
PDKN	Pejabat Daerah Kuala Nerus
PERTIMA	Pertima Trengganu Sdn. Bhd.
PGK	Pendapatan Garis Kemiskinan
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PMINT	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu
PPS	Pelan Perancangan Strategik
PPTS	Program Perumahan Terengganu-Ku Sejahtera
R&D	Penyelidikan dan Pembangunan
SOP	Prosedur Operasi Standard
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri
WWTP	<i>Waste Water Treatment Plant</i>
YB	Yang Berhormat



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
Aras 1-9, Blok F2 & F3, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya

www.audit.gov.my